



**KENYATAAN MEDIA
PERLAKSANAAN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN KOMPAUN
SECARA ATAS TALIAN**

Dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Kuala Pilah telah melaksanakan pembayaran cukai taksiran dan pembayaran kompaun secara online. Pembayaran cukai taksiran secara atas talian boleh dibuat dengan melayari laman sesawang bank-bank serta agen kutipan yang telah dilantik oleh pihak majlis seperti berikut:

1. www.cimbclicks.com.my
2. www.mybsn.com.my
3. www.irakyat.com.my
4. www.posonline.com.my (hanya bagi pemilik akaun Hong Leong Bank, RHB Bank, Affin Bank, Al-Rajhi Bank, MEPSCash, Public Bank dan Alliance Bank sahaja)

Para pengguna juga boleh juga membuat bayaran atas talian menggunakan perkhidmatan JomPAY dengan Log masuk internet atau perbankan mudah alih anda. Tatacara pembayaran adalah dengan Log masuk perbankan internet anda, pilih 'Bayar Bil' dan pilih 'Jompay'. Kemudian masukkan Biller Code : 70029 diikuti Nombor Akaun pada ruangan REF 1, Nombor Telefon di ruangan REF 2 dan jumlah amaun yang ingin dibayar.

Pembayaran Kompaun

Bagi pembayaran kompaun Majlis Daerah Kuala Pilah telah menetapkan kadar tetap bayaran Kompaun Tempat Letak Kereta secara atas talian sebanyak RM 50.00 dan Kompaun Kesalahan Lalu Lintas sebanyak RM 75.00. Pembayaran secara atas talian boleh dibuat melalui kaedah berikut laman sesawang CIMB bank di alamat www.cimbclicks.com.my. Para Pengguna perlu memasukkan maklumat nombor kompaun, nombor telefon, dan no kenderaan.

Para pengguna juga boleh juga boleh membuat bayaran kompaun secara atas talian menggunakan perkhidmatan JomPAY dengan Log masuk internet atau perbankan mudah alih anda. Tatacara pembayaran adalah seperti berikut:

1. Log masuk perbankan internet anda, pilih 'Bayar Bil' dan pilih 'Jompay'.
2. Masukkan **Biller Code** : **32961** (Kompaun Tempat Letak Kereta) atau **66449** (Kompaun Kesalahan Lalu Lintas)
3. Masukkan **Nombor Kompaun** pada ruangan **REF 1** dan **Nombor Telefon** di ruangan **REF 2** ;
4. Masukkan amaun **RM 50.00** bagi Kompaun Tempat Letak Kereta **atau RM 75.00** bagi Kompaun Kesalahan Lalu Lintas.

Semoga dengan adanya kemudahan pembayaran secara atas talian ini akan memudahkan lagi para pelanggan dalam proses pembayaran cukai taksiran serta kompaun. Pihak Majlis akan terus menggiatkan lagi usaha dalam meningkatkan kemudahan pembayaran serta mutu perkhidmatan kepada para pelanggan.



(SYAHRUL NIZAM BIN SALEH)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah